

Pilih jawapan dan tulis jawapan yang betul pada ruangan kosong di akhir setiap soalan.

- (a) Pada Zaman Air Batu Akhir, berlaku perubahan (suhu : angin) dan kecairan air batu.
- (b) Perubahan Zaman Air Batu Akhir memberikan kesan yang besar kepada bentuk (mental : fizikal) dan hidupan bumi.
- (c) Apabila suhu bumi (menurun : meningkat), air batu mula mencair dan melimpah ke kawasan rendah sehingga membentuk tasik dan laut.
- (d) Iklim berubah daripada terlalu (panas : sejuk) kepada sederhana sejuk disebabkan sinaran matahari dan pemanasan bumi.
- (e) Paras air laut meningkat sehingga (100 : 500) meter menyebabkan rupa bentuk fizikal bumi berubah.
- (f) Peningkatan suhu (bumi : laut) memberikan kesan kepada bentuk muka bumi, kehidupan manusia dan haiwan.
- (g) Berlaku bentuk fizikal bumi yang baharu seperti (tasik : pulau) air tawar dan perubahan aliran air sungai.
- (h) Manusia bergerak (masuk : keluar) ke kawasan yang lebih panas dan membina petempatan baharu.
- (i) Haiwan Zaman Air Batu Akhir seperti (monyet : mamot) dan harimau bertaring lengkung mula pupus akibat perubahan suhu.
- (j) Pengetahuan tentang Zaman Air Batu membantu manusia menangani (perubahan : pergerakan) iklim dan berusaha menjaga bumi daripada kemusnahan.